

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HKB 216 - Karya-Karya Terpilih dari Kesusasteraan Eropah
dan Amerika**

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab sekurang-kurangnya SATU soalan dari setiap **Bahagian A, B dan C**.

Bahagian A

1. Seymour-Smith menganggap bahawa watak wanita dalam karya Joseph Conrad kurang berjaya. *Istana Impian (Almayer's Folly)* memperkenalkan Puan Almayer dan Nina sebagai watak penting. Dengan menggunakan sudut feminis ATAU pasca-kolonial tuliskan suatu analisis kedua-dua watak ini.
2. Perang Dunia Kedua meninggalkan kesan yang mendalam terhadap sastera Eropah, dan mengajak pengarang menilai kembali pandangan hidup, nilai serta hubungan antara negara mereka. Bahaskan pendapat ini dengan contoh-contoh terpilih dari karya Eropah atau/dan Amerika.

Bahagian B

3. Dalam karya Alberto Moravia 'Tuda' humor telah digunakan untuk menilai cara hidup desa yang dipertembungkan dengan cara hidup kota. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai perlihatkan bagaimana humor ini membantu pengarang menyampaikan tujuannya.
4. Sastera dimajukan oleh berbagai-bagai eksperimen. Pilih sebuah eksperimen sastera yang anda anggap sebagai berjaya dan tuliskan suatu analisis kejayaannya.

Bahagian C

5. Pada pendapat anda, apakah yang mungkin dipelajari oleh seorang pengarang Malaysia daripada sastera Eropah dan Amerika, terutama dari sudut bentuk dan cara mengolah temanya?
6. Puisi Alexander Pushkin dipuji kerana telah memperkenalkan unsur folklor dan tempatan Rusia. Pada pendapat anda apakah unsur folklor dan tempatan yang diperkenalkan itu? Perturunkan contoh-contoh yang sesuai untuk menyokong hujah anda.
7. Karya Albert Camus, *Orang Terasing*, menggambarkan keadaan manusia bukan saja sebagai terpisah dari masyarakatnya secara fizikal tetapi juga secara moral. Huraikan pemikiran beliau yang terjalin dalam novel ini.